

سَمبوتَن هَارِي
قَرخَمَتَن عَوَام
كَالِي ك-٢١ تَاهُون ٢٠١٤




SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM
KALI KE-21, TAHUN 2014


أوروس تدبير ديناميك كأره كسجهتراءن نكارا
URUSTADBIR DINAMIK KE ARAH KESEJAHTERAAN NEGARA

HARI KHAMIS
4 SAFAR 1436H BERSAMAAN 27 NOVEMBER 2014M

DEWAN PLENARY
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC), BERAKAS




أوروس تدبیر دینامیک کاره کسجهتران نگارا
“URUSTADBIR DINAMIK KE ARAH
KESEJAHTERAAN NEGARA”





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam





**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia),
The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K
(Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with
The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class
(Ukraine), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S.**





PETIKAN TITAH MENGENAI PERKHIDMATAN AWAM

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM





SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KE-20, TAHUN 2013



Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-20 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Rabu, 1 Safar 1435 bersamaan 4 Disember 2013.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuurid-dunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.


Beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmatNya jua daripada kita semua berkumpul pada pagi ini di Majlis Hari Perkhidmatan Awam ke-20.

Perkhidmatan Awam adalah nadi dan jentera Kerajaan yang berperanan antara lain untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Bagi memenuhi peranan ini, pemberian perkhidmatan kepada orang ramai perlulah efisien dan berkesan. Ini bermakna pengurusananya perlulah mudah dan adil menepati keperluan tersebut.

Adalah menjadi tanggungjawab Perkhidmatan Awam juga untuk mengetahui secara berterusan mana-mana perkhidmatan yang tidak menepati keperluan orang ramai hendaklah diperbaiki dengan segera.



misalnya, sudah tiba masanya untuk kita lebih kritis dan objektif mengetahui, sejauh manakah sudah pencapaian sebenar Perkhidmatan Awam dalam bidang ini, dimana kita tahu Kerajaan adalah komited dengan peruntukan kewangan yang tinggi.




Menyentuh perkara peruntukan dalam Perkhidmatan Awam, kita adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap projek atau program Kerajaan itu adalah berjalan mengikut perancangan yang dihasratkan.


Bagi semua ini, kita akan terus komited dengan pelbagai pelabuan untuk membina kapasiti tenaga manusia yang dikehendaki. Pembangunan kapasiti yang dimaksudkan bukanlah semata-mata dari segi kemahiran dan kepakaran sahaja. Malahan juga sebagai pelengkap untuk pembangunan dan kepentingan negara.

Beta sangat menyesal kerana masih terdapat segelintir individu yang menerima kemudahan biasiswa dan Latihan Dalam Perkhidmatan tetapi mereka itu tidak menghargainya, sebaliknya mempamerkan sikap ingkar tidak mematuhi perjanjian untuk berkhidmat dengan Kerajaan. Ini adalah kecacatan ketara dari segi integriti, dimana pihak yang berkenaan tidaklah wajar membiarkannya, tetapi mustahak untuk bertindak bijak dan tegas menangannya.

Disini Beta melihat, selain dari pengetahuan, kemahiran dan kepakaran, juga turut penting dipupuk dikalangan penerima-penerima biasiswa khasnya dan masyarakat amnya ialah semangat patriotisma dan kecintaan terhadap negara.

Bagi pihak Kerajaan pula, diantara tanda kejujuran atau integriti itu ialah melaksanakan amanah dengan menjalankan peraturan-peraturan yang ada, samaada ia berupa akta atau dalam bentuk surat-surat keliling. Ia tidak boleh dilangkahi, samaada orang suka atau pun tidak. Jika dilangkahi juga, bermakna kita sudah menyalahinya malah bukan setakat menyalahi sahaja, tetapi juga tidak menghormatinya. Kalau kita





sudah tidak menghormati, siapakah lagi yang diharapkan untuk menghormati?


Perkara ini Beta timbulkan, kerana masih berlaku sungutan dikalangan orang ramai dan malah dikalangan warga Perkhidmatan Awam sendiri, misalnya masih terdapat pegawai yang tidak berpuas hati dengan cara penghantaran mereka keluar negeri bagi satu-satu tugas.

Kerana masih ada berlaku amalan menghantar pegawai seorang diri atau dua orang berlainan jantina, sedangkan Surat Keliling mengenainya telahpun dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Apa susah sangatkah bagi pihak-pihak berkenaan untuk memahami isi kandungan Surat Keliling tersebut? Sehingga sampai menjerumuskan pegawai-pegawai bahawa mengalami stress kerana dihantar seorang diri? Atau kadang-kadang juga seorang ibu atau suami, lebih runsing lagi bercampur marah, kerana anak perempuannya atau isteri, diarahkan belayar seorang diri.

Pada hemat Beta, belumlah layak lagi bagi seorang ketua atau pentadbir bercakap mengenai integriti dan efisiensi, jika peraturan-peraturan yang dibuat oleh Kerajaan masih lagi dilanggar.

Disinilah pentingnya integriti dan kesaksamaan diamalkan untuk menjaga kepercayaan anak buah khususnya dan orang ramai amnya. Adalah sangat perlu bagi Perkhidmatan Awam memainkan peranannya dengan lebih terarah dan lebih amanah dalam semua tindak tadbirnya, sesuai dengan tema Hari Perkhidmatan Awam pada tahun ini: "Urustadbir Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara."



Urustadbir seperti inilah, mampu untuk menjadi satu *catalyst* bagi sistem pensejajaran dalam Perkhidmatan Awam. Sistem ini mustahak, untuk memupuk nilai-nilai kreativiti, kebersamaan dan keadilan, selaku amalan dan budaya yang baik.


Bersempena Majlis Ilmu yang lalu, Beta telah melancarkan Akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah. Beta penuh yakin dengan kejujuran dan kesepakatan Perkhidmatan Awam dalam mendokong perundangan ini, insya Allah kita akan dapat melaksanakannya tanpa sebarang masalah, Allah pasti akan bersama-sama dengan kita kerana mendaulatkan Undang-UndangNya ini.



Akhirnya kepada penerima-penerima Anugerah Pekerja Cemerlang dan Anugerah Kumpulan Kerja Cemerlang, Beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Beta berharap supaya anugerah ini memberikan motivasi dan inspirasi kepada semua warga Perkhidmatan Awam untuk lebih meningkatkan lagi kecemerlangan Perkhidmatan Awam. Beta juga ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan peribadi Beta kepada pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun ini diatas sumbangan dan jasa bakti mereka semasa berkhidmat dengan Kerajaan.

Beta seterusnya turut merakamkan tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Awam kerana dapat menerbitkan sebuah buku bertajuk 'Kegemilangan Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam', yang mengandungi sejarah ringkas dan keadaan masa kini Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam. Beta percaya buku ini sangat berguna untuk jadi rujukan bagi semua lapisan masyarakat.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





KANDUNGAN

* Sekapur Sirih	17
* Wawasan Perkhidmatan Awam Ke-21	22
* Huraian Tema Hari Perkhidmatan Awam	23
* Ikrar Perkhidmatan Awam	25
* Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam	27
* Penerima-Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam Tahun 2014	31
* Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam Tahun 2014	45
* Kumpulan-Kumpulan yang Menyertai Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam Tahun 2014	49
* Kenangan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-20, Tahun 2013	89
* Kenangan Acara Keagamaan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-21, Tahun 2014	97
* Perangkaan Perkhidmatan Awam	101
* Senarai Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-21, Tahun 2014	107
* Senarai Jawatankuasa Eksekutif Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-21, Tahun 2014	111
* Penghargaan	121







SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalatu Was-salamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.


Segala pujian dan syukur ke hadrat Allah Subhana-hu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurniaNYA jua, kita sekali lagi, sama-sama dapat meraikan sambutan Hari Perkhidmatan Awam kali ke 21, tahun ini.



Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) di negara ini adalah sambutan tahunan yang penting dan bermakna kepada semua lapisan warga Perkhidmatan Awam. Jadikanlah kesempatan HPA ini untuk kita sentiasa merenung dan muhasabah diri bagi menilai sejauhmana kita telah dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh iltizam, semangat dan amanah sepertimana yang dituntut oleh negara, kerajaan dan ugama suci kita. Setiap sambutan Hari Perkhidmatan Awam perlulah juga dijadikan sebagai sandaran warga Perkhidmatan Awam untuk sentiasa berusaha dengan lebih gigih kearah meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi kesejahteraan negara selaras dengan tema sambutan tahun ini iaitu **'Urustadbir Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara'**.

Bagi kita yang bernaung di bumi bertuah, bumi Darussalam ini, kita amat bersyukur bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sentiasa memberikan perhatian keatas kebajikan warga Perkhidmatan Awam melalui kemudahan-kemudahan yang banyak termasuk peluang-peluang kerjaya dan mempertingkatkan

keupayaan serta kepakaran masing-masing. Sebagai tanda kesyukuran tersebut, warga Perkhidmatan Awam perlulah menterjemahkannya melalui sumbangan bermakna kepada Kerajaan dan kepada pelanggan Kerajaan, khususnya orang ramai. Sumbangan yang bermakna itu bermaksud setiap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan




perlulah dilaksanakan dengan efisien, berkesan, terancang dan memuaskan hati pelanggan.



Kita juga bersyukur bahawa pelbagai aspek-aspek perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam memperlihatkan usaha-usaha Negara yang tiada kendur-kendurnya demi kemajuan Negara, rakyat dan penduduk. Perkembangan tersebut adalah berkat kesungguhan dan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan usia kemerdekaan negara yang sudah mencapai tiga abad ini juga bermakna negara semakin matang dan rakyat serta penduduk di negara ini juga semakin bijak dan "*demanding*". Harapan-harapan orang ramai yang meningkat dan bijak itu serta ledakan IT yang bukan mudah untuk dikawal dengan disaluti oleh cabaran-cabaran *global* yang mendatangkan impak ketara kepada ekonomi dan produktiviti negara, menuntut warga Perkhidmatan Awam untuk lebih tangkas, inovatif dan kreatif. Kita tidak boleh lagi dibuai di dalam suasana zon selesa yang dulunya hanya berdepan dengan orang ramai yang senyap sepi dan tidak kritikal. Dalam keadaan ketika ini, menggunakan tatacara urustadbir yang biasa dan hanya sesuai digunakan di masa lampau perlulah diperbaiki atau dihapuskan agar kita dan sistem urustadbir sentiasa relevan dan mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik. Cabaran-cabaran tersebut hanya dapat dihadapi apabila warga Perkhidmatan Awam sentiasa mahu berubah ke arah kecemerlangan, yang bukan mudah tetapi bukan juga mustahil untuk dicapai.

Tunggak utama perkembangan dan kemajuan negara yang kita kecapai ketika ini ialah warga Perkhidmatan Awam yang produktif dan bekerja keras serta boleh digantungharap sebagai tulang belakang pentadbiran negara. Kita perlulah bersikap sebagai wira-wira negara dan pemudahcara yang cekap dalam memberikan perkhidmatan. Warga Perkhidmatan Awam yang berjaya ialah mereka yang sentiasa peka dengan keadaan sekeliling, mencari jalan dan kaedah-kaedah baru dan penuh inovasi serta kreatif di mana saja ia bertugas. Mindanya hebat, dipenuhi oleh azam dan semangat kental bagi menyumbang kepada usaha pembangunan





negara, meskipun kecil. Sebarang kepincangan untuk melaksanakan hala tuju dan dasar serta wawasan negara perlulah diatasi dengan pendekatan yang lebih berkesan.

Dalam menggunakan kaedah-kaedah urustadbir dan teknologi terkini, kita juga jangan membelakangkan sistem dan amalan terbaik Islam yang berteraskan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah. Sifat-sifat Rasulullah yang terpuji seperti jujur, amanah dan berilmu hendaklah menjadi contoh teladan agar budaya kerja akan lebih bernilai dengan rahmat Allah. Ini adalah selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir.

Alhamdulillah, sambutan HPA tahun ini, akan menyaksikan penganugerahan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA). Anugerah ini diberikan kepada projek atau program yang telah dan sedang dilaksanakan yang menampakkan hasil yang positif terhadap Perkhidmatan Awam. Penganugerahan ACPA ini adalah amat signifikan kerana ia dinilai dari segi peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai; inovasi, mengamalkan integriti, ketelusan, akauntabiliti serta maklumbalas daripada pemberi perkhidmatan, di samping penggunaan aplikasi teknologi IT.

Manakala, Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) seperti tahun-tahun lalu juga akan disampaikan tahun ini, bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan Bahagian II, III, IV dan V yang mempunyai dedikasi yang tinggi, berdisiplin, akauntabiliti, dan dapat menunjukkan kreativiti serta mutu tinggi dalam Perkhidmatan Awam. Buat julung-julung kalinya, Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam ini juga dilaratkan kepada pegawai-pegawai dalam Bahagian II. Anugerah di Bahagian ini dihasratkan untuk memberikan pengiktirafan kepada pegawai-pegawai cemerlang di peringkat pertengahan yang dinilai telah dapat membantu meningkatkan kejayaan Perkhidmatan Awam dari segi inovasi, kreativiti, pengurusan, kepimpinan, pembaharuan dan sebagainya. Mereka telah dapat membantu meningkatkan kemajuan Jabatan dimana mereka bertugas dan memberikan sumbangan yang berguna kepada masyarakat, ekonomi,



kebudayaan dan ugama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Harapan saya ialah penganugerahan-penganugerahan tersebut bukan saja sebagai pendorong kepada penerima dan rakan sejawat yang lain tetapi jua penerima-penerimanya akan terus mengekalkan malahan mempertingkatkan lagi mutu projek dan kerja serta kualiti personaliti masing-masing. Penghormatan itu perlu dipelihara dan dipertahankan. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) dan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA).

Buat akhirnya, saya dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memberikan kerjasama, sumbangan tenaga dan buah fikiran serta nasihat dalam sama-sama mengungayahkan sambutan HPA ke-21 tahun ini. Tanpa bantuan dan dokongan padu semua pihak, kejayaannya bukan mudah untuk dicapai. Kita berhutang budi dan hanya Allah Subbhanahu Wata'ala saja yang memberikan ganjaran pahala yang setimpal, Amin Ya Rabbal' Alamin.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmat-ullahi Wabarakatuh.

[YAHYA BIN HAJI IDRIS]
SETIAUSAHA TETAP JABATAN PERDANA MENTERI
Selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam Kali Ke-21, Tahun 2014





WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE- 21



**UNTUK MENJADIKAN PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**YANG SENTIASA MEMBANGUN DAN BERUSAHA
DENGAN GAYANYA TERSENDIRI
MENURUT CALAK ISLAM**

**DALAM PERSEKITARAN YANG SIHAT DAN SELAMAT
DI BAWAH INAYAH DAN PETUNJUK
ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA**



**HURAIAN TEMA
HARI PERKHIDMATAN AWAM**



'URUSTADBIR DINAMIK KE ARAH KESEJAHTERAAN NEGARA'

Dalam keadaan dunia yang terus dipengaruhi oleh arus globalisasi, teknologi canggih, sumber alam yang begitu terhad, ekspektasi pelanggan yang kian meningkat, rakyat yang semakin berilmu, daya saing daripada negara-negara serantau dan antarabangsa, pentadbiran awam tidak dapat lari dari menerima cabaran-cabaran dan tanggapan perkhidmatan yang kurang berkesan.

Cabaran-cabaran ini memerlukan kita untuk mengorak langkah ke hadapan dan mencari jalan yang lebih dinamik agar Perkhidmatan Awam tidak jauh ketinggalan dan turut memainkan peranan penting ke arah pembangunan negara sebagaimana yang diharapkan. Berdasarkan kepada suasana dan kesedaran inilah maka konsep **'Urustadbir Yang Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara'** dipilih sebagai tema dalam menyambut Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-21, Tahun 2014 sekali lagi.

Tema ini menitik beratkan betapa pentingnya Perkhidmatan Awam untuk mengamalkan urustadbir yang bersifat dinamik di mana sentiasa bersedia dan bersiap siaga dalam mengambil langkah yang proaktif, dapat disesuaikan terhadap penggubalan dasar-dasar, proses-proses dalam pentadbiran dan perubahan mengikut arus pergolakan dunia dalam isu serantau, antarabangsa dan *global*.

Pengertian *'Governance'* atau Urustadbir dapat diertikan sebagai hubungan antara Kerajaan dan rakyat yang membolehkan dasar-dasar dan program-program dapat dilaksanakan dan dinilai. Dalam konteks yang lebih luas lagi, ia merujuk kepada peraturan, institusi dan rangkaian yang menentukan bagaimana sebuah negara atau organisasi berfungsi. Tadbir Urus menjadi dinamik apabila pilihan-pilihan dasar sebelumnya boleh disesuaikan dengan perkembangan semasa dalam persekitaran yang tidak menentu dan cepat berubah, agar dasar-dasar yang telah dilaksanakan itu kekal relevan dan berkesan dalam mencapai hasil jangka panjang yang dikehendaki masyarakat.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenainya, sila layari laman web Jabatan Perkhidmatan Awam www.jpa.gov.bn.



The background of the page is a repeating pattern of small, colorful floral motifs (purple, yellow, teal, and green) on a brown grid. A central rectangular area with a darker brown background and larger floral motifs contains the title. This central area is framed by two horizontal white lines, each adorned with a decorative silver scrollwork flourish.

IKRAR PERKHIDMATAN AWAM



IKRAR PERKHIDMATAN AWAM

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kami, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini berikrar :

- * Menjunjung tinggi dan menghayati Falsafah Negara Melayu Islam Beraja yang bersendikan ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- * Memelihara dan mengamalkan dengan teguh prinsip-prinsip "Hablun MinAllah" iaitu hubungan dengan Allah dan "Hablun Min An-Nas" iaitu hubungan dengan manusia.
- * Patuh melaksanakan kehendak dasar-dasar Kerajaan, undang-undang Negara, peraturan dan arahan kerja dengan jujur, ikhlas, amanah, bijaksana dan bertanggungjawab.
- * Sentiasa memelihara dan meningkatkan martabat, kewibawaan, kecemerlangan dan keboleharapan Perkhidmatan Awam dengan sifat dan sikap proaktif, iltizam, inovatif, pemedulian, cekap, telus, titih, lutan, bertatatertib dan berakhlak mulia.
- * Sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja, mempunyai daya tahan, daya saing dan bersedia menghadapi cabaran.
- * Berkhidmat berasaskan keadilan serta amanah untuk Agama, Bangsa, Kerajaan dan Negara pada menjunjung tinggi kemerdekaan dan kedaulatan sehingga terwujud negara aman, makmur, sejahtera, mendapat keampunan, keberkatan serta redha Allah Subhanahu Wata'ala.



**ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG
PERKHIDMATAN AWAM**



ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM

Pengenalan

Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) ini julung kali diadakan bagi seluruh Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-17, 2010.

APCPA ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Kualiti dan penghasilan kerja Pegawai / Kakitangan berkenaan seringkali melebihi daripada keperluan tugas dan tanggungjawab jawatan serta mempunyai keperibadian yang boleh dicontohi oleh Pegawai / Kakitangan yang lain.

Objektif

- * Untuk menggalakkan dan meningkatkan kesedaran tentang perlunya peningkatan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Kementerian / Jabatan khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya. Di samping itu juga, ianya dihasratkan akan mewujudkan dan menanai budaya kerja cemerlang dalam Perkhidmatan Awam.
- * Untuk memberikan dorongan dan pengiktirafan secara formal kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang tinggi dan bermutu, serta dapat menjadi contoh kepada Pegawai /Kakitangan yang lain untuk berusaha ke arah




meningkatkan lagi prestasi kerja, produktiviti dan kualiti perkhidmatan masing-masing.



- * Untuk memberikan pengiktirafan kepada Pegawai / Kakitangan Kementerian / Jabatan yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang serta berupaya memperkenalkan beberapa inisiatif dan usaha bagi peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.
- * Untuk memupuk dan meningkatkan iltizam, daya kreativiti di kalangan Pegawai / Kakitangan dalam aspek peningkatan produktiviti dan kualiti dan sekaligus meningkatkan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Perkhidmatan Awam.
- * Untuk menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan Pegawai / Kakitangan Kementerian / Jabatan bagi memperbaiki lagi amalan pengurusan yang produktif dan berkualiti yang menjurus ke arah meningkatkan iltizam dan penghayatan budaya kerja cemerlang dikalangan warga Perkhidmatan Awam.
- * Untuk mewujudkan nilai tambah (*value-added*) kepada Perkhidmatan Awam agar lebih cekap dan berkesan dalam melaksanakan peranan serta tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenainya, sila layari laman web Jabatan Perkhidmatan Awam www.jpa.gov.bn.





**PENERIMA – PENERIMA ANUGERAH
PEKERJA CEMERLANG
PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2014**



JABATAN PERDANA MENTERI



Pg Kamaluddin bin Pg Hj Ahmad
Jurutera Laut
Bahagian II
Polis DiRaja Brunei




Awg Abd Rahman bin Hj Omar
Pembantu Pencetak
Bahagian III
Jabatan Percetakan Kerajaan



**Awg Hj Mohd Faizal bin
Hj Md Kassim**
Pekerja Tingkat 1 (Open Vote)
Bahagian IV
Jabatan Mufti Kerajaan



**Awg Hj Noralizan bin
Mohammad Noor**
Pemandu Tingkat II
Bahagian V
Jabatan Mufti Kerajaan



KEMENTERIAN PERTAHANAN



**Dyg Noor Serena @ Fiona bte
Hj Awg Omar**
Pegawai Hal Ehwal Undang-Undang
Bahagian II
Unit Korporat dan Perundangan, Pejabat
Urusetia Timbalan Menteri Pertahanan



Awg Hj Mat Yassin bin Hj Tunggal
Pengurus Mess Tingkat I
Bahagian III
Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga
Manusia



Dyg Norhani bte Ma'arof
Kerani
Bahagian IV
Jabatanarah Kewangan dan
Perolehan



Awg Hj Md Jeli bin Hj Jait @ Garif
Mandur
Bahagian V
Jabatanarah Pentadbiran dan
Tenaga Manusia





KEMENTERIAN KEWANGAN




Awg Mohaimin bin Mohamed
Penolong Undang-Undang
Bahagian III
Bahagian Pendaftaran, Syarikat-Syarikat dan
Nama-Nama Perniagaan



Dyg Hjh Siti Sara bte Jais
Kerani
Bahagian IV
Jabatan Perbendaharaan



Pg Hj Samsul bin Pg Hj Damit
Pembantu Kerani (Open Vote)
Bahagian V
Bahagian Hasil



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
DAN PERDAGANGAN



Dyg Latifah bte Zaini
Setiausaha Kedua
Bahagian II
Jabatan Politik II



**Awg Hj Abdul Wahab bin
Hj Abdullah**
Penolong Pegawai Penerangan
Bahagian III
Jabatan Pentadbiran



Dyg Hjh Tengah bte Hj Saibun
Kerani
Bahagian IV
Jabatan Protokol dan Hal Ehwal
Konsular



Awg Sunil bin Juman
Pembantu Pejabat
Bahagian V
Pejabat Setiausaha Tetap





KEMENTERIAN PENDIDIKAN



**Pg Nazrul Arif bin
Pg Dato Paduka Hj Md Zain**
Pegawai Tugas - Tugas Khas Tingkat I
Bahagian II
Jabatan Pentadbiran dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan




Dyg Asmah bte Hj Durahim
Kerani Sulit
Bahagian III
Jabatan Pentadbiran dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan



Dyg Rokiah bte Hj Aspar
Kerani
Bahagian IV
Jabatan Peperiksaan



**Awg Hj Mohamad Noor bin
Hj Mohamad**
Pemandu Tingkat III
Bahagian V
Jabatan Pendidikan Teknik



KEMENTERIAN KESIHATAN



**Dyg Nor Azian bte
Haji Hafneh**
Pegawai Saintifik
Bahagian II
Jabatan Perkhidmatan Makmal



Awg Haji Romaini bin Haji Zaini
Jururawat
Bahagian III
Jabatan Perkhidmatan Perubatan



**Dyg Hajah Noorainah bte
Abdullah @ Haji Abdul Rahman**
Penolong Pencatat Garis Otak
Bahagian IV
Jabatan Perkhidmatan Perubatan



**Dyg Hajah Masnor bte
Haji Puasa**
Tukang Masak
Bahagian V
Jabatan Perkhidmatan
Makmal





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



**Dyg Zahiah bte
Haji Abdul Samad**
Pegawai Perancang Bandar
dan Desa Kanan
Bahagian II
Jabatan Perancang Bandar dan Desa




**Dyg Syamimi bte
Abdullah Hoh @ Hoh Chui Hong**
Juruteknik Ukur Kanan
Bahagian III
Jabatan Ukur



Awg Zaini bin Tumih
Juruteknik Ukur
Bahagian IV
Jabatan Ukur



**Awg Muhd. Syukran
bin Abdullah**
Pembantu Pejabat
Bahagian V
Jabatan Kerja Raya



KEMENTERIAN PERHUBUNGAN



**Dyg Hajah Siti Hairmi bte
Haji Ibrahim**
Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I
Bahagian II
Bahagian ICT & Pejabat Menteri
Perhubungan




Awg Tinggal bin Haji Raman
Penyelia Gerakan
Bahagian III
Jabatan Pelabuhan



**Dyg Hajah Rosnah bte
Haji Junggal**
Kerani
Bahagian IV
Bahagian Pentadbiran dan
Perkhidmatan



Awg Suhaili bin Haji Bakri
Wireman Tingkat I
Bahagian V
Jabatan Laut





**KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA**



**Awg Muhammad Safwan bin
Abdullah Bibi**
Ahli Silvikultur
Bahagian II
Jabatan Perhutanan



Dyg Rukiah bte Bair
Pembantu Pertanian Kanan
Bahagian III
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan



Dyg Zairinah bte Muhamad Hanafi
Juruteknik Ternakan
Bahagian IV
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



**Dyg Hajah Rusma bte
Haji Kepli**
Pegawai Pelajaran
Bahagian II
Bahagian Dasar, Perancangan dan
Penyelidikan



**Awg Haji Mohd Azmi bin
Haji Dullah / Dollah**
Guru Ugama Terlatih (Tetap)
Bahagian III
Jabatan Pentadbiran



**Pg Ibrahim bin
Pg Haji Mohd Salleh**
Juruteknik Projektor
Bahagian IV
Pusat Da'wah Islamiah



Dyg Bibi Lisa bte Bujang
Pembantu Kerani (Open Vote)
Bahagian V
Jabatan Hal Ehwal Masjid





KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



**Awg Haji Haizul Rizal bin
Haji Yahya**
Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II
Bahagian II
Jabatan Daerah Tutong



Awg Mat Dayang bin Ramli
Penolong Pentadbir
Bahagian III
Jabatan Daerah Brunei dan Muara



**Dyg Hajah Dayang bte
Haji Damit**
Kerani
Bahagian IV
Jabatan Bandaran BSB



**Awg Muhammad Suhaili bin Ali
Ahmad @ Liga**
Pembantu Pejabat
Bahagian V
Jabatan Daerah Brunei dan Muara



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



**Dyg Hajah Kolam bte
Haji Gapar**
Kurator Pemeliharaan dan Pembaikan
Bahagian II
Jabatan Muzium-Muzium




**Awg Haji Mohamad Ranik
bin Setia**
Pengelola Perkembangan Bahasa
Melayu
Bahagian III
Dewan Bahasa dan Pustaka



Dyg Mariyati binti Mohamed
Pengatur Reka Letak
Bahagian IV
Dewan Bahasa dan Pustaka



**Dk Rudyati @ Raudhati bte
Pg Haji Md. Daud**
Pembantu Kerani (Open Vote)
Bahagian V
Jabatan Belia dan Sukan





**ANUGERAH CEMERLANG
PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2014**



ANUGERAH CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM

Pengenalan

Program Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) adalah merupakan salah satu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kearah mempertingkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan Pentadbiran Awam Negara Brunei Darussalam.

Selaras dengan matlamatnya, program ini juga penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan khusus bagi Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang berhasil melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

Program ACPA yang diadakan setahun sekali sejak tahun 1993 ditukar kepada dua tahun sekali bermula dalam tahun 1998. Perubahan ini bagi memberi peluang kepada Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan yang melaksanakan pojek-projek pembaharuan dan penambahbaikan untuk mereka calonkan.

Objektif

- * Membantu Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam mencapai objektif bagi rancangan-rancangan pembaharuan pentadbiran dengan lebih berkesan.
- * Memberikan dorongan dan sebagai pengiktirafan rasmi kepada Pegawai-Pegawai dan Kakitangan sama ada perseorangan ataupun berkumpulan / berpasukan yang lebih memberikan sumbangan cemerlang untuk meningkatkan lagi prestasi, kualiti dan produktiviti organisasi masing-masing.
- * Menggalakkan persaingan yang sihat di antara Pegawai-Pegawai dan Kakitangan dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam kearah memperbaiki dan mempertingkatkan lagi amalan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.



Perlaksanaan program ACPA telah dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Perkhidmatan Pengurusan Jabatan Perdana Menteri.




PANEL-PANEL HAKIM



Dari Kiri—Kanan ☞ Yang Mulia Dr Abdul Naseer bin Haji Abdul Rani , Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali ☞ Yang Mulia Dato Paduka Haji Jemat Bin Haji Ampal, Penasihat Majlis Perundingan Mukim, Penasihat Majlis Perundingan Kampong Lumapas & Penasihat Nur Wanita Restaurant ☞ Yang Mulia Awang Aminuddin bin Haji Buntar, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Pengurusan ☞ Yang Mulia Dayang Hajah Norezan binti Haji Hambali, Pemangku Pengarah Institut Perkhidmatan Awam, Institut Perkhidmatan Awam

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenainya, sila layari laman web Jabatan Perkhidmatan Awam www.jpa.gov.bn.





**KUMPULAN – KUMPULAN YANG
MENYERTAI ANUGERAH CEMERLANG
PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2014**



1. KUMPULAN IDARATAL USSUL

Bahagian Pemeliharaan Estet,
Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja
Kementerian Pertahanan
Projek : Pengurusan Fasilitis dan Pemeliharaan Estet
Bagi Kementerian Pertahanan
Kategori : Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : Tahun 2009 / Tarikh Dilaksanakan : 01 Jun 2010



AHLI-AHLI

Dayangku Roselawati binti Pengiran Haji Halus, *Jurutera Kerja*

Awang Azhar bin Haji Jaafar, *Jurutera*

Dayang Nor A'uyun binti Haji Talib, *Pegawai Projek*

Awang Abdul Rajid bin Haji Timbang, *Ketua Pembantu Teknik*

Awangku Zulfadli bin Pengiran Maidin, *Pembantu Teknik Kanan*

Awang Sulhi bin Abdullah, *Pembantu Teknik Kanan*

Dayang Nurhayati binti Hanifah, *Penyelenggara Stor Tingkat I*



SINOPSIS

Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja (JPPK) khususnya Bahagian Pemeliharaan Estet (BPE) menumpukan aktiviti pemeliharaan estet sebagai aktiviti teras (*core business activity*) dimana ianya menjadi salah satu tunjang kepada Kementerian Pertahanan (KEMENTAH).

Projek Pengurusan Fasilitas dan Pemeliharaan Estet bagi KEMENTAH ini berkaitan dengan bagaimana bangunan-bangunan KEMENTAH berserta fasilitasnya diuruskan diperingkat strategik dan operasi. Ianya meliputi perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan aset yang menyokong penyampaian perkhidmatan barisan hadapan.

Skop projek ini termasuk semua fungsi-fungsi yang diperlukan untuk merancang, merekabentuk, pembangunan, perolehan, pengurusan, pemeliharaan dan operasi.

Projek ini menjangkakan faedah-faedah yang timbul daripada tiga bidang:

- ♦ Skala ekonomi (*economies of scale*) melalui penyusunan semula (*restructuring*) organisasi
- ♦ Mengurangkan perbelanjaan luar daripada pembaikan dan pemeliharaan
- ♦ Peningkatan dalam perancangan dan pengurangan dalam pemeliharaan reaktif

Dalam melaksanakan projek ini, tiga (3) mekanisme telahpun dikenalpasti iaitu dengan menggunakan:

- ♦ Aktiviti mengenal pasti kaedah baru sistem pemeliharaan
- ♦ Aktiviti perlaksanaan projek rintis dengan menggunakan kaedah baru
- ♦ Aktiviti proses penyediaan dan perlaksanaan projek

Penanda-arasan dan Pengurusan Secara Objektif adalah merupakan dua (2) kaedah pengurusan yang telah JPPK gunakan untuk diadaptasi.

Dengan terlaksananya projek ini, pengurusan kewangan dapat dirancang dan dikawal dengan bijaksana, menghasilkan kualiti perkhidmatan yang bermutu tinggi, mempercepatkan masa tindakan dan mengelakkan proses yang berulang-ulang. Manakala perhubungan dan permohonan pihak pengguna-pengguna bagi kerja – kerja pemeliharaan dapat kerja-kerja pemeliharaan dapat diproses secara *online* dan juga



perkhidmatan rujukan fail dan rekod dapat diperolehi secara terus menerus melalui sistem yang digunakan.

OBJEKTIF PROJEK

- ♦ Menggabungkan kontrak-kontrak penggal pemeliharaan Mekanikal & Elektrikal dan juga '*Specialist*' menjadi satu kontrak penggal yang komprehensif.
- ♦ Meningkatkan perkhidmatan pemeliharaan yang lebih teratur, cepat, berkesan dan berkualiti.
- ♦ Memastikan fasilitas dan aset berfungsi secara optima dan kos efektif pada setiap masa dengan mengambil kira Prasarana dan Aset yang dalam perancangan.
- ♦ Mendokong perkhidmatan kerja-kerja pemantauan aset dengan tenaga kerja yang profesional sejajar dengan perkembangan asset.



2. KUMPULAN SINAR CAHAYA

Jabatan Psikiatri, Hospital RIPAS

Kementerian Kesihatan

Projek : Penubuhan Kediaman Berpengawasan Bagi Pesakit Kronik
Psikiatri Secara Pemulihan Berprogram Meningkatkan
Penjagaan Pesakit Psikiatri Akut

Kategori : Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : Februari 2012 / Tarikh Dilaksanakan : Januari 2014



AHLI-AHLI

Dr. Hilda Ho, *Ketua Jabatan Psikiatri*

Dr. Dayang Hajah Lailawati binti Hj Jumat, *Pengarah Perkhidmatan Hospital*

Awang Haji Muhd Jamal bin Haji Tersad, *Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas*

Dayang Saidah binti Haji Wahid, *Pmk. Ketua Pegawai Eksekutif*

Dayang Hajah Wan Aslina binti Haji Ibrahim, *Pmk. Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I*

Awang Haji Ashraf Lim bin Abdullah, *Pmk. Pegawai Jururawat*

Dayang Mas Salina binti Haji Ali Safar, *Pegawai Jururawat*

Dayang Hajah Radiah binti Omar, *Pegawai Jururawat*

Awang Haji Rahim bin Haji Omar, *Pegawai Jururawat*



Dayang Rozmi binti Haji Ibrahim, *Jururawat*

Awang Romaini binti Haji Zaini, *Pmk. Pegawai Pentadbir*

Awang Haji Zainal Ariffin bin Haji Salleh, *Jurutera Hospital*

Dayang Dahariani binti Haji Abd Manaf/Munaf, *Pegawai Rekod Perubatan Kanan*

Awang Haji Ali Ahmad bin Haji Md Said, *Pegawai Jururawat*


Dayangku Roslina binti Pengiran Haji Alli, *Pentadbir Hospital*

SINOPSIS

Sistem kesihatan di Negara Brunei Darussalam pada masa ini berdepan dengan persekitaran yang berubah-ubah dan cabaran-cabaran yang perlu dihadapi dan ditangani seperti kos penjagaan kesihatan yang semakin meningkat disebabkan beban penyakit kronik, penyakit berjangkit yang semakin berat, kesan wabak dan kemunculan ancaman baru, meningkatnya ekspektasi serta permintaan orang awam bagi akses kepada perkhidmatan yang lebih berkualiti tinggi, pembangunan diagnostik dan teknologi baru.

Menyedari akan cabaran-cabaran ini, maka Kementerian Kesihatan dan Jabatan Psikiatri telah mengorak langkah dalam menentukan perancangan masa depan dan hala tuju terutama bagi memastikan sistem kesihatan yang akan diberikan adalah lebih efisien dan berkualiti. Kementerian Kesihatan memang berharap agar semua rakyat dan penduduk Negara ini mempunyai akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan seperti promosi kesihatan, pencegahan, rawatan dan pemulihan penyakit dengan kos yang berpatutan.

Salah satu langkah positif yang diambil oleh Jabatan Psikiatri untuk memperkembangkan perkhidmatan Psikiatri adalah dengan menubuhkan kediaman berpengawasan (*Assisted Living Unit, ALU*) sebagai tempat kediaman berpengawasan untuk pesakit menjalani rehabilitasi di dalam masyarakat, terutama sekali kepada pesakit yang sudah lama ditahan di wad dalaman psikiatri yang diberi peluang untuk menjalani kehidupan secara normal. Bersesuaian dengan Misi dan Visi Jabatan Psikiatri, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha




secara keseluruhan adalah untuk memberi rawatan yang terbaik bagi pesakit kronik dan akut yang setanding dan sebanding dengan negara-negara yang membangun mengikut objektif yang dinyatakan di dalam pelan tindakan Kesihatan Mental 2013 - 2020 melalui Pertubuhan

Kesihatan Antarabangsa (*World Health Organization*). Matlamat Jabatan adalah untuk memberi peluang kepada pesakit untuk pulih melalui rawatan yang diberikan di samping meningkatkan taraf kesihatan dan kehidupan mereka dengan bantuan jabatan.



OBJEKTIF PROJEK

- ♦ Meningkatkan kualiti kehidupan pesakit-pesakit yang kronik tetapi stabil supaya dapat berinteraksi dan berkomunikasi dengan masyarakat dan memaksimakan kemahiran mereka untuk hidup berdikari.
- ♦ Menangani dan mengelakkan penahanan (*admission*) pesakit di hospital bagi tempoh yang terlalu lama dan yang tidak bersesuaian dengan pemulihan mereka.
- ♦ Memberi peluang kepada pesakit-pesakit supaya dapat hidup seperti biasa dalam suasana dan persekitaran seperti tinggal di rumah sendiri.
- ♦ Meningkatkan kemahiran vokasional, sosial dan penjagaan diri pesakit supaya boleh berdikari dan dapat meningkatkan kualiti hidup mereka.
- ♦ Mengurangkan jumlah pesakit yang kronik di dalam wad rawatan akut supaya dapat memberi rawatan yang lebih efektif dan berkesan kepada pesakit akut. Ini adalah kerana, sebelum projek ini dilaksanakan purata pesakit kronik di wad akut Hospital RIPAS adalah melebihi 40% dan ini menyukarkan perlaksanaan rawatan.
- ♦ Penempatan residen yang berhampiran dengan Pusat Rehabilitasi Psikiatri Kiarong membantu dalam proses rehabilitasi mereka supaya dapat diteruskan di rumah untuk mendapatkan kesan yang maksimum.
- ♦ Memberi dorongan dan harapan kepada pesakit dan kakitangan bahawa penyembuhan pesakit itu bukan hanya bergantung kepada perubatan atau ketiadaan simptom penyakit sahaja tetapi ianya merangkumi berbagai aspek dalam kehidupan seperti fungsi dan kualiti kehidupan.





3. KUMPULAN KIDNEY TRANSPLANT TEAM
Bahagian Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Renal,
Kementerian Kesihatan

Projek : Program Pemindahan Buah Pinggang di Negara Brunei Darussalam

Kategori : Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 04 April 2012 / Tarikh Dilaksanakan : 21 November 2013



AHLI-AHLI

Dayang Hajah Roshima binti Haji Kamal, *Pmk. Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas*

Dr. Jackson Tan, *Konsultan Nefrologi & Ketua Perkhidmatan Klinikal*

Dayang Nur Majidah binti Abdullah, *Pmk. Pegawai Jururawat*

Dayang Dalinatul Sisilia binti Haji Ahmed, *Jururawat*


Dayang Mardiana binti Haji Kamis, *Jururawat*

Dr. Jayakrishnan, *Pegawai Perubatan Kanan*

Mr. Tan Kim Khee, *Pakar Bedah*

Mr. Chua Hock Beng, *Pakar Bedah*

Mr William Chong, *Pakar Bedah*




SINOPSIS

Penjagaan kesihatan adalah penting supaya kita sihat dan dapat mencapai kehidupan yang berkualiti. Walaubagaimanapun apabila seseorang telah mengalami berbagai penyakit terutama Penyakit Buah Pinggang Tahap Akhir (*'End Stage Renal Disease'* - ESRD) atau Kegagalan Fungsi Buah Pinggang, maka kualiti kehidupan adalah rendah jika dibandingkan dengan orang yang sihat. Jadi apakah cara untuk membantu pesakit-pesakit ESRD ini menikmati kehidupan yang lebih berkualiti? Jawapannya ialah rawatan Pemindahan Buah Pinggang, iaitu bagi mereka yang memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Rawatan pemindahan buah pinggang dianggap sebagai '*gold standard*' bagi pesakit yang telah mengalami kegagalan fungsi buah pinggang, jika dibandingkan dengan rawatan dialisis (1). Pemindahan Buah Pinggang juga dapat memanjangkan jangka hayat pesakit ESRD, jika dibandingkan dengan rawatan dialisis. Jika umur dapat dilanjutkan, ia adalah amat bernilai kepada manusia terutama bagi mereka yang masih dapat menyumbangkan kepada keluarga dan negara serta supaya dapat terus menikmati kehidupan bersama orang-orang tersayang.

OBJEKTIF PROJEK

- ♦ Untuk memberi perkhidmatan renal yang komprehensif kepada pesakit-pesakit buah pinggang tanpa mereka perlu keluar negara untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.
- ♦ Supaya semua pesakit yang memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan berpeluang menjalani rawatan ini, walaupun mereka berpendapatan rendah.
- ♦ Supaya pesakit yang terdiri dari penduduk tetap Negara Brunei Darussalam juga berpeluang menjalani rawatan ini kerana mereka tidak dapat dibiayai oleh kerajaan untuk menjalani pemindahan buah pinggang di luar negara.
- ♦ Untuk menambah jangka hayat pesakit yang memerlukan terapi penggantian renal seperti dialisis.
- ♦ Memberi kehidupan yang lebih berkualiti kepada pesakit yang telah mengalami kegagalan buah pinggang.
- ♦ Dengan mengadakan program ini di Negara Brunei Darussalam, ia memberi peluang kepada lebih ramai pesakit untuk menjalani rawatan ini kerana:
 - ⇒ dapat mengurangkan beban kewangan kepada pesakit dan keluarga jika diadakan di dalam negeri



- ⇒ berdekatan dengan keluarga, jadi mendapat sokongan moral dan sosial semasa pembedahan dijalankan.
- ⇒ pesakit atau keluarga tidak perlu mengambil cuti yang panjang untuk menjalani pembedahan ini, jika didalam negeri.
- ⇒ jika di luar negara, 2 ahli keluarga perlu menemani pesakit (satu untuk penderma dan satu untuk penerima).
- ♦ Mengurangkan perbelanjaan kerajaan menghantar pesakit keluar negara bagi menerima rawatan.
- ♦ Memberi peluang kepada pakar dan jururawat untuk menggunakan kemahiran yang mereka telah perolehi di luar negara bagi menambah pengalaman serta meningkatkan kecekapan tersebut.



4. KUMPULAN GEOPORTAL UKUR
Jabatan Ukur
Kementerian Pembangunan
Projek : *Survey Spatial Data Infrastructure*
Kategori : Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 26 Januari 2011 / Tarikh Dilaksanakan : 17 Oktober 2012




AHLI-AHLI

Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kassim, *Pmk. Juruukur Agung*
Awang Arefin bin Haji Yahya, *Pmk. Timbalan Juruukur Agung*
Dr. Dayang Hajah Massuriaia Wati binti Haji Ab Hamid, *Penolong Juruukur Agung*
Dr. Dayang Hajah Norazmni binti POKSDSP Haji Md Salleh, *Juruukur Kanan*
Awang Abd Aziz bin DP Haji Abdullah, *Juruukur Kanan*
Dayang Nurani binti Haji Ahmad, *Juruukur*
Pengiran Masnah binti Pengiran Haji Ahmad, *Juruukur*

SINOPSIS

Pada tahun 2009, Jabatan Ukur mengendalikan projek LiDAR dan Orthofoto yang meliputi seluruh Negara Brunei Darussalam. Projek ini





menghasilkan peta baru dan juga digunakan untuk mengemaskini peta yang ada. Maklumat ini sangat penting dalam perancangan pembangunan dan perlu digunakannya. Permohonan untuk mendapatkannya tersekat kepada keperluan perisian GIS dan juga keperluan ruang *harddisk* (space) yang besar.

Dengan adanya teknologi yang terkini, Jabatan Ukur mengambil peluang menggunakan teknologi yang berkaitan dalam penyediaan Infrastruktur Data GeoSpatial. Projek ini di beri nama *Survey Spatial Data Infrastructure* (SSDI), kerana ianya menumpukan kepada maklumat yang dibawah kawalan Jabatan Ukur sahaja.

Maka Jabatan Ukur berusaha mencari penyelesaian untuk menyalurkan maklumat geospatial tersebut kepada semua pengguna yang memerlukan secara '*online*'. Dengan kecanggihan teknologi yang ada masa kini, maka tidak mustahil maklumat tersebut dapat dikongsikan.

Tiap-tiap bahagian di Jabatan Ukur telah disediakan dengan beberapa aplikasi yang berasingan untuk membantu mengurus / menyunting / mengemaskini / mempercepatkan kerja harian. Maklumat yang diperlukan oleh bahagian-bahagian untuk membuat kerja harian dan cara mendapatkannya. Pembuatan kerja yang memerlukan peta digital terhad kepada lesen perisian GIS. Lesen yang ada hanya 12 dan disimpan dalam 12 buah komputer di bahagian-bahagian termasuk cawangan Daerah kerana harga yang sangat tinggi.

OBJEKTIF PROJEK

- ♦ Mengemaskini maklumat GeoSpatial yang ada di Jabatan Ukur.
- ♦ Mengemaskini proses kerja di Jabatan Ukur.
- ♦ Mengelakkan kerja yang bertindih.
- ♦ Menyediakan Infrastruktur GeoSpatial yang lebih teratur.
- ♦ Mengelakkan pembuatan kerja yang terhad kepada bilangan lesen perisian.
- ♦ Membukakan pangkalan data geografi dengan mengambil kira keselamatan maklumat yang ada.
- ♦ Menyediakan web-portal yang mudah digunakan oleh orang awam.
- ♦ Pembelian peta secara *online*.



5. KUMPULAN iCUACA
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
Kementerian Perhubungan

**Projek : Aplikasi "Brunei Wx" - Projek Meningkatkan Keberkesanan
Penyampaian Maklumat Cuaca melalui Teknologi Bimbit**

Kategori : Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 10 Julai 2012 / Tarikh Dilaksanakan : 10 November 2012



AHLI-AHLI

Awang Muhamad Husaini bin Aji, *Pmk. Pengarah Kajicuaca*

Awang Hassanul Kamal bin Haji Adam, *Pegawai Kajicuaca*

Dayang Harnina binti Morani, *Pegawai Kajicuaca*

Awang Mohammad Affindi bin Haji Sabli, *Pegawai Kajicuaca*

Dayang Titty Dewana binti Abdullah, *Pegawai Kajicuaca*

Dayang Saadiah @ Sofiana binti Awg Haji Tengah, *Penyelia Kajicuaca*

SINOPSIS

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Perhubungan adalah
agensi kebangsaan yang bertanggungjawab menyediakan,



mengeluarkan dan menyampaikan maklumat dan khidmat cuaca.


Pengguna-penggunanya, selain daripada pihak awam, ialah agensi-agensi yang menangani pengurusan air, alam sekitar, bencana, tenaga, penerbangan awam dan lain-lain lagi. Agensi-agensi ini termasuklah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Pejabat-Pejabat Daerah, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pertahanan dan Jabatan Kerja Raya. Tidak juga ketinggalan daripada pihak swasta seperti Syarikat Brunei Shell Berhad, kontraktor dan orang awam.

Menjurus kepada strategik objektif Kementerian Perhubungan bagi tahun 2008-2017 iaitu menekankan dan menitikberatkan penggunaan alatan yang berpatutan untuk menyediakan perkhidmatan yang efisien dan efektif serta menggalakkan pemakaian rangkaian elektronik dalam meningkatkan perhubungan di antara kerajaan dengan orang awam dan pihak swasta, adalah wajar penggunaan alatan-alatan bimbit dapat dieksploitasi manfaatnya bagi penyampaian maklumat cuaca kepada pengguna.

Satu kaedah baru telah dilaksanakan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam bagi menyahut cabaran ini, sekaligus meningkatkan perkhidmatan kajicuaca pada amnya. Kaedah baru yang dilaksanakan adalah melalui penghasilan satu aplikasi cuaca bagi telefon bimbit dan tablet yang dinamakan "*Brunei Weather App*" atau singkatannya *Brunei Wx* yang telah diperkenalkan dan dilancarkan pada 10 November 2012.

Aplikasi *Brunei Wx* dapat meningkatkan efisensi dan membuat pembaharuan dari khidmat yang sebelumnya disediakan, dengan menyampaikan maklumat cuaca harian terus kepada pengguna-pengguna alatan bimbit secara peribadi.

Ciri khas *Brunei Wx* ialah pengguna boleh menerima notifikasi amaran cuaca hujan lebat yang boleh menyebabkan banjir dan juga keadaan angin kencang, selain dari maklumat-maklumat cuaca harian. Khidmat notifikasi bertindak sebagai satu sistem amaran awal (*early warning system*) bagi membolehkan pengguna seperti




agensi-agensi berkenaan untuk membuat keputusan yang wajar demi membuat sebarang persediaan bagi menjaga keselamatan nyawa dan harta benda.

OBJEKTIF PROJEK



- ♦ Mengujudkan aplikasi cuaca yang dapat memberi khidmat kepada orang awam dan mana-mana pihak kerajaan dalam menyampaikan maklumat cuaca harian yang cepat dan terus melalui alatan bimbit secara peribadi pada bila-bila masa oleh yang memerlukannya;
- ♦ Melaluinya dapat membantu orang awam, agensi-agensi kerajaan dan swasta bagi mendapatkan maklumat ramalan dan amaran cuaca bagi persediaan awal menghadapi cuaca buruk; dan
- ♦ Memastikan segala maklumat cuaca yang diperolehi oleh orang ramai adalah sumber yang sahih iaitu daripada Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (JKBD) dan bukan melalui media sosial.





6. KUMPULAN MUTIARA

Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar, Bahagian Industri Ternakan,
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Projek : Peningkatan Keberkesanan Pengurusan Makmal Veterinar Dengan
Pencapaian Akreditasi ISO/IEC 17025:2005 - Testing Laboratory

Kategori : Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : Tahun 2011 / Tarikh Dilaksanakan : Tahun 2012



AHLI-AHLI

Dayang Hajah Aidah binti Haji Moha Hanifah, *Pengarah*

Dayang Hajah Khartini binti Haji Musa, *Pmk. Timbalan Pengarah*

Dayang Fuziah binti Hamdan, *Penolong Pengarah Pertanian*

Awang Saidin bin Namit, *Penolong Pengarah Pertanian*

Dayangku Mariam binti Pengiran Haji Omar, *Ketua Bahagian Pengembangan
Pertanian*

Dayang Hajah Suria binti Zanuddin, *Ketua Bahagian Industri Tanaman*

Awang Latif bin Sani, *Ketua Bahagian Industri Ternakan*



Dayang Hajah Siti Raihani binti Haji Abd Hamid, *Ketua Bahagian Industri Agrimakanan*

Awang Abuzar bin Haji Mohd Tahir, *Ketua Bahagian Dasar, Pengurusan dan Kewangan*

Dayang Hajah Rokiah binti Omar, *Pegawai Pemeliharaan Ternakan*

Dayang Hajah Hamsiah binti Mohd Saat, *Pegawai Pemeliharaan Ternakan*

Awang Maidin bin Haji Md Salleh, *Ketua Jurutematik Makmal*

Dayang Norazirawandi binti iHaji Isamil, *Ketua Juruteknik Makmal*

Dayang Nur Adibah binti Sidup, *Ketua Juruteknik Makmal*

Dayang Rosnah binti Jolihi, *Penolong Pegawai Pemeliharaan Ternakan*

Dayang Hajah Junainah binti Haji Jusif, *Ketua Juruteknik Makmal*

Awang Allan Mikael bin Kuang, *Penolong Pegawai Pemeliharaan Ternakan*



SINOPSIS


Untuk menyumbangkan kepada kesinambungan fungsi-fungsi peranan Bahagian Industri Ternakan (BIT), Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar (UPMV) sebagai satu-satunya makmal yang menawarkan perkhidmatan pemeriksaan dan penganalisaan veterineri di Negara Brunei Darussalam; sangat memainkan peranan penting dalam memastikan kualiti dan keselamatan makanan hasil ternakan adalah yang terbaik dan mengikut piawaian antarabangsa.


UPMV senantiasa berusaha dengan gigih supaya dapat menjadi *role model* yang berjaya dengan memberikan standard pengurusan makmal yang tepat, efisien serta diiktiraf antarabangsa. Selain daripada menumpukan fokus utama kepada aspek pengurusan dan kepuasan pelanggan, UPMV turut berusaha mendapat pengiktirafan ISO/IEC 17025:2005 sekaligus membantu Negara mencapai status bebas penyakit.

Bagi memudahkan Negara menembusi pasaran eksport pula, UPMV sedang berusaha secara tidak langsung dalam memenuhi keperluan para pelanggannya yang terdiri daripada para pengusaha / penternak, syarikat-syarikat dan pemilik persendirian ladang-ladang ternakan dengan memberikan perkhidmatan makmal yang mengikut piawaian global.

OBJEKTIF PROJEK

- ♦ Memperolehi akreditasi makmal ISO/IEC 17025:2005-Testing





Laboratory serta sistem pengurusan makmal yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa.

- ♦ Meningkatkan perkhidmatan makmal yang berkualiti, efisien dan staf yang berkemahiran (kompeten).
- ♦ Pencapaian ini adalah selari dengan pencapaian perkembangan industri ternakan masakini iaitu pencapaian saradiri yang lestari dalam pengeluaran ayam pedaging dan telur ayam.
- ♦ Sebagai pemudahcara dalam pengurusan perdagangan serantau dan antarabangsa sekaligus membuka peluang-peluang aktiviti-aktiviti penerokaan eksport.
- ♦ Memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan perkhidmatan makmal.
- ♦ Meningkatkan prestasi kakitangan makmal dan produktiviti melalui perkhidmatan serta pengurusan yang bersistematik.
- ♦ Meningkatkan sumber-sumber yang sedia ada dengan lebih efisien, teratur dan optima.



7. KUMPULAN HFAS TEAM
Bahagian Industri Tanaman,
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Projek : Mengukuhkan Jaminan Keselamatan Makanan Negara bagi Komoditi
Tanaman Sayur-Sayuran dengan Perlaksanaan Pengiktirafan BRUNEI GAP
Kategori : Kertas Projek
Tarikh Diperkenalkan : Januari 2011 / Tarikh Dilaksanakan : Januari 2012



AHLI-AHLI

Dayang Hajah Aidah binti Haji Moha Hanifah, *Pengarah*

Dayang Hajah Khartini binti Haji Musa, *Pmk. Timbalan Pengarah*

Dayang Fuziah binti Hamdan, *Penolong Pengarah Pertanian*

Awang Saidin bin Namit, *Penolong Pengarah Pertanian*

Dayangku Mariam binti Pengiran Haji Omar, *Ketua Bahagian Pengembangan Pertanian*

Dayang Hajah Suria binti Zanuuddin, *Ketua Bahagian Industri Tanaman*

Awang Latif bin Sani, *Ketua Bahagian Industri Ternakan*

Dayang Hajah Siti Raihani binti Haji Abd Hamid, *Ketua Bahagian Industri Agrimakanan*





Awang Abuzar bin Haji Mohd Tahir, *Ketua Bahagian Dasar, Pengurusan dan Kewangan*

Awang Mulyadi bin Muhammad Ali, *Pegawai Pertanian Kanan*

Dayang Normah binti Tuah, *Jurukultura Kebunan*

Awang Hirman bin Haji Abu, *Ahli Kaji Serangga Tumbuhan*

Awang Noor Azri bin Haji Mohd Noor, *Pegawai Pertanian*

Dayang Jormasita binti Jormasie, *Ahli Kaji Penyakit Tumbuhan*

Dayang Siti Amaniah binti Haji Awang Besar, *Ahli Kaji Serangga Tumbuhan*

Awang Sari bin Haji Nasir, *Penolong Pegawai Pertanian*

SINOPSIS

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengorak langkah untuk mengenalkan satu piawaian nasional yang diperakui dan sistematik bagi tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Piawaian nasional ini dibentuk untuk meningkatkan potensi ladang tempatan dalam penyediaan produk sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan untuk berdaya saing dengan pasaran di rantau Asia Tenggara dan juga pasaran antarabangsa. Piawaian tersebut dinamakan BRUNEI GAP yang dibentuk berdasarkan ASEAN GAP dengan penumpuan diberikan kepada Modul Keselamatan Makanan (*Food Safety*) dan Kualiti Produk (*Product Quality*). Piawaian ini memastikan supaya hasil sayur-sayuran memenuhi kesemua kriteria dan selamat untuk dimakan oleh pengguna di negara ini dan juga lulus untuk perdagangan serantau.

Tujuan utama BRUNEI GAP ialah untuk memperkenalkan amalan pengurusan perladangan yang bersistematik dan teratur meningkatkan tahap keselamatan dalam jaminan makanan negara (*national food security*) melalui pelbagai kaedah pelaksanaan. Ianya menekankan kepada peningkatan kualiti dari segi penghasilan dan pemprosesan produk; keselamatan produk dari pencemaran kuman, logam berat dan sisa baki racun yang berlebihan; kesejahteraan pekerja dan keselamatan alam sekitar.



Di samping itu, BRUNEI GAP juga bertujuan untuk menaiktaraf pengurusan perladangan kepada yang sistematik dan mengamalkan sistem rekod bagi memudahkan pengesanan (*traceability*) produk jika diperlukan. Dengan adanya sistem pengiktirafan ini, kualiti dan keselamatan produk

tempatan adalah setaraf dengan produk-produk luar negara dan ini akan memberikan tarikan dan keyakinan kepada pihak konsumer.




Dalam pemasaran hasil pertanian sama ada pasaran domestik atau penerokaan pasaran eksport.

Pada masa yang sama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah menerbitkan buku-buku yang telah diadaptasi daripada modul-modul ASEAN GAP iaitu Modul Keselamatan Makanan dan Modul Kualiti Produk. Buku-buku tersebut telah diterjemah dan diubahsuai mengikut kesesuaian negara ini dan diterbitkan khas untuk penggunaan peladang tempatan dalam mencapai pengiktirafan BRUNEI GAP.

OBJEKTIF PROJEK

- ♦ Untuk memudahkan laluan perdagangan bagi merealisasikan perancangan integrasi ASEAN.
- ♦ Untuk mencapai pelan strategik Jabatan dalam memenuhi keperluan jaminan sekuriti makanan.
- ♦ Menyediakan makanan khususnya sayur-sayuran yang terjamin keselamatan dari pencemaran bahan-bahan yang memudaratkan kesihatan manusia dan menjamin kualiti produk untuk memenuhi kehendak pengguna.





8. KUMPULAN FRONTLINE 995
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Projek : Kemasyarakatan Menyusur Mukim
Kategori : Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : Oktober 2012 / Tarikh Dilaksanakan : November 2012



AHLI-AHLI

Awang Muhamad Ali bin Hassan, *Pegawai Balai*

Awang Mohd Ermi Hasbullah bin Abdullah Mahari, *Ahli Bomba Kanan No.,611*

Awang Kamalzurzaman bin Musa, *Ahli Bomba Kelas Satu No.80*

Awang Mohd Sallehin bin Abd Aziz, *Ahli Bomba Kelas Satu No.672*

SINOPSIS

Projek Kemasyarakatan Menyusur Mukim ini menjurus kepada kampung-kampung di bawah tadahan Mukim Bukit Sawat. Pengisian projek ini adalah memfokuskan kearah memberikan pengetahuan asas dalam aspek keselamatan di rumah bagi tindakan awal memadam menggunakan alat pemadam api sebelum ketibaan jentera Bomba memberikan bantuan



perkhidmatan.



Kecemasan mendokong salah satu Plan Strategik 1. Mengurangkan kejadian kebakaran dan jumlah kebakaran setiap tahun dan matlamat Plan Strategik 5. Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai dan mendokong visi Jabatan Bomba dan Penyelamat iaitu bekerjasama dengan masyarakat bagi melindungi apa yang mereka hargai .

Projek ini salah satu solusi bagi permasalahan usaha untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda masyarakat umum yang tinggal dipedalaman jauh daripada Balai Bomba Sungai Liang iaitu khususnya Kampong Sungai Mau, Kampong Bukit Sawat dan Kampong Merangking adalah dipilih sebagai *pilot* projek disebabkan jarak jauh nya lebih kurang 20 km.

OBJEKTIF PROJEK

- ♦ Membantu masyarakat umum dalam mengutamakan keselamatan nyawa dan harta benda disamping mengetahui tindakan yang diambil semasa berada dirumah jika berlaku sebarang kecemasan.
- ♦ Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi dan mencari solusi yang praktikal bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti jabatan.
- ♦ Memastikan kecekapan pengurusan dalam operasi sebagai struktur utama jabatan bergerak dengan lebih teratur, bersistematik dan berdaya saing.
- ♦ Memastikan semua peringkat anggota Jabatan ini mempunyai nilai kualiti dan kuantiti yang mantap, terlatih, berkemahiran dan berpengetahuan secara berterusan.
- ♦ Memastikan peruntukan yang diperuntukkan didayagunakan secara optima dan mempunyai pulangan nilai tambah (*value-added*) tanpa mengabaikan aset kecemasan seperti sumber tenaga manusia dan jentera serta peralatan kecemasan.
- ♦ Berdasarkan statistik panggilan kecemasan selepas pelaksanaan projek adalah menurun.





9. KUMPULAN MATA ANGIN

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Projek : Meningkatkan Perkhidmatan Yang Berkualiti Kepada Orang
Ramai / Pelanggan Melalui Gabungan Dua Bahagian

Kategori : Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 05 Januari 2013 / Tarikh Dilaksanakan : 05 Januari 2013



AHLI-AHLI

Awang Ahmad bin Haji Salleh, *Ketua Pegawai Pendaftaran Kebangsaan*

Awang Sakdon bin haji Tengah, *Pegawai Pendaftaran Kebangsaan Kanan*

Awang Maidi bin Haji Osman, *Pegawai Pendaftaran Kebangsaan Kanan*

Awang Fadillah Bahri bin Haji Bujang, *Pegawai Pendaftaran Kebangsaan Kanan*


Awang Mohamed Amalelme bin Ismail, *Pegawai Pendaftaran Kebangsaan*

Awang Haji Ermin bin Haji Ali, *Pegawai Pendaftaran Kebangsaan*


Dayang Hajah Ramlah binti Awang Haji Ismail, *Kerani Perangkaan*

Dayang Jufri binti Haji Brahim/Haji Ibrahim, *Kerani*

Dayang Husnani Lylawati binti Haji Husaini, *Pembantu Kerani*



SINOPSIS



Pejabat Pendaftaran Kebangsaan, Cawangan Daerah Belait mempunyai 3 bahagian iaitu:-

- ♦ Bahagian Pendaftaran Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat;
- ♦ Bahagian Pendaftaran Taraf Kebangsaan (Warganegara);
- ♦ Bahagian Pendaftaran Kebangsaan (Kad Pengenalan) - (akan digabungkan kemudian).

Lokasi penempatan ketiga-tiga bahagian ini adalah secara berasingan di bangunan pejabat yang sama dengan mempunyai Pegawai dan Kakitangan masing-masing.

Dalam pada itu, Pejabat Pendaftaran Kebangsaan, Cawangan Daerah Belait telah berusaha mengatasi masalah-masalah yang dihadapi untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan pada Orang Ramai / Pelanggan dengan lebih bersistematik dengan mementingkan keberkesanan, kecekapan, kecepatan, ketepatan, kualiti dan mudah serta kepuasanhati. Selain itu berusaha meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan serta kepercayaan diri Pegawai dan Kakitangan serta menambahbaik sistem pengurusan pejabat demi meningkatkan kecemerlangan imej jabatan.

Sehubungan dengan itu, untuk mencapai dan merealisasikan matlamat dan hasrat jabatan ini, maka pada **5 Januari 2013** telah dilaksanakan perkhidmatan yang diberi nama:-

“MENINGKATKAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI KEPADA ORANG RAMAI/ PELANGGAN MELALUI GABUNGAN DUA BAHAGIAN”

Gabungan Dua Bahagian

Definasinya: Bahagian Pendaftaran Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat dan Bahagian Pendaftaran Taraf Kebangsaan (Warganegara) digabungkan / diintegrasikan dengan mewujudkan 4 aspek utama iaitu :-

- ♦ Menyatukan dua Bahagian pada lokasi yang sama;
- ♦ Menyatukan kaunter penerimaan perkhidmatan dan proses permohonan;





- ♦ Gunasama Pegawai dan Kakitangan secara kolaborasi yang kukuh;
- ♦ Meningkatkan tahap kemahiran Pegawai dan Kakitangan.

Projek ini mensasarkan kepada beberapa perkara yang sangat penting untuk diambil perhatian bagi peningkatan iaitu:-

- ♦ Memberikan maklumat dan penerangan awal sebelum permohonan diterima;
- ♦ Penerimaan perkhidmatan secara serentak dua dalam satu iaitu pendaftaran kelahiran dan seterusnya pendaftaran taraf kerakyatan dalam waktu yang sama bagi 8 kategori;
- ♦ Meningkatkan kecepatan tempoh masa penerimaan dan proses permohonan;
- ♦ Meningkatkan kecekapan dan kemahiran kakitangan melayan orang ramai.

OBJEKTIF PROJEK

Memperbaiki kelemahan dan menyelesaikan masalah untuk mencapai ke arah kecemerlangan dan keberkesanan dalam pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai / pelanggan serta meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan pegawai dan kakitangan dalam penyelesaian masalah yang dihadapi.



10. KUMPULAN OPS TANGKAS
Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang,
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri



Projek : Pengenalan Talian "Hotline" Sebagai Pemudahcara Perkhidmatan
Aduan Yang Efektif Untuk Orang Ramai dan Efisien Kepada Aktiviti
Penguatkuasaan Undang-Undang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan
Kategori : Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 01 April 2011 / Tarikh Dilaksanakan : 01 April 2011



AHLI-AHLI

Awang Haji Md Yante Hussaine bin Haji Ismail, Ketua Pegawai Imigresen Kanan

Awang Abd Razak bin Haji Yahya, Ketua Pegawai Imigresen

Awang Jasmin bin Haji Marusin, Pegawai Imigresen Kanan

Awang Alimon bin Haji Jaafar, Pegawai Imigresen Kanan


Awang Wasli bin Haji Latip, Pegawai Imigresen Kanan

Dayang Norliza bin Haji Matnoor, Pegawai Imigresen Kanan

Awang Haji Md Saudian bin Haji Damit, Pegawai Imigresen Kanan

Dayang Suanah binti Mindas, Pegawai Imigresen

Dayang Hajah Nurul Amalina binti Haji Md Jaafar, Pegawai Imigresen Kanan





SINOPSIS

Projek “Hotline” Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan adalah merupakan salah satu kaedah perkhidmatan kepada orang ramai selaras dengan visi Jabatan ini. Tujuan projek ini yang dilaksanakan adalah untuk meningkatkan perkhidmatan kepada orang ramai dalam menjaga keselamatan, keamanan, keharmonian dan kemakmuran negara ini.

Projek ini memfokuskan kepada keselamatan dan keamanan masyarakat di Negara Brunei Darussalam daripada sebarang anasir jenayah di dalam negara dan juga jenayah merentasi sempadan. Disamping itu, kaedah perkhidmatan dalam menyampaikan dan menyalurkan maklumat atau aduan yang efektif, telus dan bertindakbalas dalam Perkhidmatan Awam.

Projek utama dalam memperkenalkan “Hotline” Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang untuk meningkatkan kecepatan dan ketangkasan dalam pembenterasan pesalah dan penjenayah menggunakan talian “Hotline” adalah memberikan perkhidmatan kepada orang ramai yang berkesan bagi membantu dalam melaksanakan dan menguatkuasakan Akta dan Peraturan Imigresen dalam bidang kuasa yang diperuntukkan kepada jabatan ini.

OBJEKTIF PROJEK

- ♦ Merapatkan jurang di antara jabatan ini dengan orang ramai melalui perkhidmatan pertanyaan dan penerimaan maklumat yang berkesan yang bertujuan untuk menjaga keselamatan, keamanan, keharmonian dan kemakmuran negara ini;
- ♦ Keberkesanan “Hotline” dalam penyampaian perkhidmatan awam ini telah meningkatkan keyakinan dalam mendapatkan maklumbalas daripada orang ramai yang cepat, tepat dan berkualiti;
- ♦ Efisien aktiviti-aktiviti penguatkuasaan undang-undang daripada penyaluran maklumat menggunakan talian “Hotline” daripada orang ramai.



11. KUMPULAN IDENTITI 19

Bahagian Kad Pengenalan, Ibu Pejabat

Bahagian Kad Pengenalan, Pejabat Cawangan Kuala Belait

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Projek : Penambahan Waktu Perkhidmatan Kaunter Bahagian Kad Pengenalan

Kategori : Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 23 September 2011/ Tarikh Dilaksanakan : 23 September 2011



AHLI-AHLI

Dayang Liza Suriani binti Haji Ibrahim, *Timbalan Pengarah Pendaftaran Kebangsaan*

Awang Haji Sofri bin Haji Abidin, *Ketua Pegawai Pendaftaran Kebangsaan Kanan*

Awang Haji Mohamad Ismail bin Haji Tabit, *Ketua Pegawai Pendaftaran Kebangsaan Kanan*

SINOPSIS

Disebabkan keperluan Akta dan Peraturan Pendaftaran Kebangsaan Penggal 19 untuk mendaftar semula setelah 10 tahun, maka telah dijangka bahawa masalah keramaian pelanggan akan dihadapi di





bahagian Kad Pengenalan pada tahun 2010 dan 2011. Jabatan telah membuat beberapa inisiatif sebelumnya iaitu membuka kaunter secara *staggered hours* (tidak menutup kaunter pada sebelah tengahari) di Cawangan Kuala Belait sejak tahun 2007, Ibu Pejabat secara berperingkat sejak tahun 2010 dan melanjutkan perkhidmatan kaunter sehingga jam 5.30 petang jika ada keperluan serta sedaya upaya tidak menghadkan jumlah nombor giliran terutama sekali bagi Kad Pengenalan kuning dan ungu.

Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan ini hanyalah dibuat di Ibu Pejabat dan Cawangan Kuala Belait disebabkan jumlah permohonan orang ramai sebahagian besarnya adalah daripada Ibu Pejabat dan cawangan Kuala Belait. Bagi cawangan Tutong dan Temburong, perkara ini belumlah dibuat memandangkan jumlah permohonan pendaftaran Kad Pengenalan masih lagi boleh ditangani seperti biasa dan juga mengambil kira keramaian pegawai dan kakitangan untuk mengendalikannya adalah tidak mencukupi.

Sungguhpun inisiatif-inisiatif yang disebutkan di atas dijalankan bertujuan untuk menangani masalah kesesakan di Bahagian Kad Pengenalan, bahagian tersebut masih lagi menghadapi rungutan-rungutan daripada orang ramai kerana gagal mendapatkan nombor giliran atau menunggu terlalu lama dan dengan secara tidak langsung menjejaskan aktiviti-aktiviti harian mereka kerana terpaksa keluar dari pejabat atau tempat kerja berkali-kali. Perkara tersebut telahpun dapat dilaksanakan iaitu menambah waktu perkhidmatan dengan membuka kaunter pendaftaran Kad Pengenalan pada Setiap Hari Jumaat dari jam 8.15 pagi sehingga 11.30 pagi dan 2.00 petang sehingga 4.00 petang.

OBJEKTIF PROJEK

- ♦ Untuk menangani masalah kesesakan yang berlaku di Bahagian Kad Pengenalan.
- ♦ Memberikan perkhidmatan yang terbaik, keselesaan dan kemudahan orang ramai dalam memilih waktu yang sesuai untuk mereka berurusan.
- ♦ Memperbaiki mutu dan prestasi jabatan dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai / pelanggan dan pada masa yang sama dapat meningkatkan lagi pengetahuan, keupayaan dan kemahiran pegawai-pegawai serta kakitangan-kakitangan dalam menyelesaikan



masalah-masalah yang dihadapi.

- ♦ Memberikan nilai tambah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan dari bahagian-bahagian yang lain di dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai, iaitu dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan dalam bidang yang berlainan dari kebiasaannya dan mempunyai kelebihan sebagai "*multitasking*".
- ♦ Membuat persediaan bagi memenuhi perancangan strategik jabatan dalam usaha untuk mengadakan "*one stop counter*".
- ♦ Sentiasa memantau masalah-masalah orang ramai yang membuat urusan dengan bahagian Kad Pengenalan dan melihat kekurangan-kekurangan yang ada dan cuba untuk menanganinya sebaik mungkin.



12. KUMPULAN PERINTIS

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Projek : Sistem *Frequent Travellers' Facility* (FTF) Peneraju Inovasi

Terkini Penambahbaikan Perjalanan Kerap Keluar dan Masuk Orang Ramai

Di Antara Warganegara Brunei Darussalam dan Warganegara Malaysia

Kategori : Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 11 Mac 2010 / Tarikh Dilaksanakan : 01 Mac 2012



AHLI-AHLI

Awang Azmi bin Haji Hafneh, Pmk. Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

Pengiran Noor Azimawati binti Pengiran Haji Tengah, Ketua Pegawai Imigresen Kanan

Dayang Ema Sa' datul Iza binti Haji Emran, Ketua Pegawai Imigresen Kanan

Pengiran Matusin bin Pengiran Anak Haji Abd Rahman, Pegawai Imigresen Kanan

Pengiran Anak Yaumi Asri bin Pengiran Anak Haji Ibrahim, Pegawai Imigresen

Dayang Nizaratnawatty binti Haji Lukman @Mohiddin, Pegawai Imigresen

Dayang Nurulhafizah binti Pehin Khatib Haji Suhaili Alhafiz, Pegawai Imigresen



Awangku Mohammad Rusydi bin Pengiran Haji Matussin, *Pegawai Imigresen*

Awang Haji Rhyme bin Haji Lakim, *Kerani*

Awang Abdul Aziz bin Haji Ahmad, *Pembantu Pejabat*



SINOPSIS

Jabatan sedaya upaya untuk mengurangkan kaedah-kaedah konvensional dalam pengurusan perkhidmatan dengan mengambil langkah-langkah berinovasi dengan menggunakan infokomunikasi teknologi dalam urusan perancangan, dan perkembangan pentadbiran serta menghasilkan tenaga sumber manusia yang berpengetahuan dan berdaya saing. Oleh sebab itu, **PROJEK SISTEM FREQUENT TRAVELLERS FACILITY (FTF)** diperkenalkan sebagai satu langkah meningkatkan kapasiti ke arah perkhidmatan yang dinamik dan inovatif.


Projek Sistem *Frequent Travellers Facility* (FTF) adalah merupakan projek usahasama Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam dengan Jabatan Imigresen Malaysia dalam memberikan kemudahan kepada orang awam khususnya kepada rakyat dan penduduk kedua buah negara yang membuat **perjalanan kerap keluar / masuk dari / ke pos-pos kawalan imigresen Brunei Darussalam dan Sabah / Sarawak.**

Projek Sistem FTF menggunakan sepenuhnya aplikasi teknologi infokomunikasi dari awal proses pendaftaran FTF yang menggunakan web portal sehinggalah proses pemeriksaan Imigresen (*Immigration clearance*) yang menggunakan aplikasi Sistem Kawalan Sempadan (*Border Control System*) secara komprehensif.

OBJEKTIF PROJEK

- ♦ Mengeratkan hubungan dua hala dan hubungan kerja dalam bidang Imigresen bagi dua buah negara yang berkaitan iaitu Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.
- ♦ Memberikan perkhidmatan penambahbaikan terhadap kemudahan pelepasan imigresen (*'Immigration clearance'*) kepada orang ramai yang terdiri daripada warganegara Brunei Darussalam dan warganegara Malaysia yang membuat perjalanan kerap keluar masuk dari/ kedua buah negara.
- ♦ Meningkatkan dan menambahbaik prestasi kerja Jabatan dan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai yang berhubungkait dengan





prosedur pelepasan imigresen (*Immigration Clearance*) agar lebih cepat, efisien dan efektif.

- ♦ Mendokong hasrat Kerajaan untuk menggunakan Infokomunikasi Teknologi (ICT) dalam Perkhidmatan Awam dengan membangun sebuah sistem aplikasi E-FTF bagi proses pendaftaran dan permohonan FTF.
- ♦ Memberikan kemudahan tambahan (*value-added*) dan meningkatkan produktiviti jabatan.



**1. Jabatan Mutfi Kerajaan
Kementerian Perdana Menteri
Projek : Memperkasakan Sekolah Memandu
Kategori : Kertas Cadangan**



AHLI


Awang Haji Yakob bin Haji Metali

SINOPSIS

Sekolah memandu diwujudkan di Negara Brunei Darussalam sudah tentulah dihasratkan untuk melahirkan pemandu-pemandu yang berkualiti dan berdisiplin di jalan raya, selain untuk mengemaskinikan pembelajaran memandu agar lebih kemas dan teratur mengikut kurikulum yang disediakan.

